



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500

Faks : 03-8880 3886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :
Your Ref :
Ruj. Kami :
Our Ref : JK/MP 38 Jld 6
Tarikh
Date : **30** Januari 2013

Semua Hakim
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Semua Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Semua Pendaftar
Mahkamah Rendah

ARAHAN AMALAN BIL 2 TAHUN 2013
PROSES MEDIASI BAGI KES-KES KEMALANGAN JALANRAYA DI
MAHKAMAH MAJISTRET DAN DI MAHKAMAH SESYEN

Saya telah diarahkan oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara untuk memaklumkan bahawa semua kes kemalangan jalanraya di bawah Kod 73 di Mahkamah Majistret dan Kod 53 di Mahkamah Sesyen hendaklah terlebih dahulu melalui proses mediasi selepas pliding ditutup.

2. Bagi tujuan tersebut, semua kes kemalangan jalanraya yang didaftar di Mahkamah hendaklah melalui proses pengurusan kes. Hakim Sesyen/Majistret/Pendaftar hendaklah menjalankan proses pengurusan sesuatu kes kemalangan jalanraya dengan menetapkan tarikh sebutan bagi memastikan urusan pemfailan pliding dan dokumen adalah teratur. Dokumen asas yang perlu difaiklan sebelum proses mediasi adalah seperti mania berikut:-

- i. Laporan awal perubatan
- ii. Rajah Kasar kemalangan
- iii. Laporan polis oleh kedua-dua pihak
- iv. Gambar (jika ada)
- v. Lain-lain dokumen sokongan

3. Semua kes kemalangan jalanraya hendaklah dirujuk kepada Pegawai Mediasi Mahkamah bagi menjalani proses mediasi dalam tempoh selewat-lewatnya **sepuluh (10) minggu** daripada tarikh kes difailkan. Pegawai Mediasi Mahkamah hendaklah menentukan samada pihak-pihak telah bersedia untuk menjalankan proses mediasi.

4. Di samping itu, Mahkamah boleh menetapkan tarikh bicara kes kemalangan jalanraya sebelum kes tersebut dirujuk ke Pegawai Mediasi Mahkamah sebagai persediaan awal sekiranya kes tersebut gagal diselesaikan. Bagi kes yang tidak memerlukan laporan pakar, perbicaraan **hendaklah ditetapkan dalam bulan ke empat (4) hingga ke enam (6)** dari tarikh kes difailkan. Sementara itu, bagi kes yang memerlukan laporan pakar, perbicaraan **hendaklah ditetapkan dalam bulan ke enam (6) hingga ke sebelas (11)** dari tarikh kes difailkan. Perbicaraan hendaklah diteruskan pada tarikh yang ditetapkan tersebut.

5. Bagi kes kemalangan yang tidak melibatkan penyediaan laporan pakar dan telah sedia untuk menjalani proses mediasi, kes tersebut hendaklah dirujuk terus kepada Pegawai Mediasi Mahkamah bagi diselesaikan sama ada di atas isu liabiliti ataupun kuantum. Jika kedua-dua isu berjaya diselesaikan, penghakiman bolehlah direkodkan dan fail ditutup. Sebaliknya jika satu isu sahaja berjaya diselesaikan, penghakiman akan direkodkan atas isu berkenaan sahaja. Bagi isu yang tidak dapat diselesaikan, kes hendaklah dihantar semula ke Mahkamah asal untuk perbicaraan. Proses kerja kes yang tidak melibatkan penyediaan laporan pakar adalah seperti di **Lampiran A** (untuk rujukan).

6. Sekiranya kes kemalangan melibatkan penyediaan laporan pakar, Mahkamah hendaklah mengarahkan pihak-pihak mendapatkan laporan tersebut dan memfailkan laporan tersebut dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pliding ditutup. Sementara menunggu penyediaan laporan pakar tersebut, kes hendaklah dirujuk kepada Pegawai Mediasi Mahkamah untuk menjalani proses mediasi di atas isu liabiliti terlebih dahulu. Pegawai Mediasi Mahkamah hendaklah menjalankan proses mediasi di atas isu kuantum setelah mendapat semua laporan yang

berkaitan. Penghakiman bolehlah direkodkan jika proses mediasi berjaya dan fail ditutup. Jika mana-mana proses mediasi gagal, kes tersebut hendaklah dihantar ke Mahkamah asal untuk perbicaraan penuh. Proses kerja kes yang melibatkan penyediaan laporan pakar adalah seperti di **Lampiran B** (untuk rujukan).

7. Sekiranya pihak-pihak gagal untuk mendapatkan dan memfailkan laporan pakar dalam tempoh masa yang telah ditetapkan seperti di perenggan 6, mahkamah hendaklah meneruskan perbicaraan atau pihak-pihak boleh menarik balik kes dengan kebebasan untuk difailkan semula setelah mendapat laporan pakar berkaitan.

8. Pihak-pihak juga boleh menyelesaikan kes kemalangan jalanraya yang difailkan di mahkamah dengan cara merujuk kes mereka kepada mana-mana pihak lain yang menjalankan proses mediasi.

9. Arahan ini terpakai kepada semua Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Bagi mahkamah yang mempunyai seorang hakim/majistret sahaja, Pengarah Mahkamah Negeri bolehlah dari semasa ke semasa mengarahkan mana-mana pegawai kehakiman lain bertindak sebagai Pegawai Mediasi Mahkamah untuk melaksanakan proses mediasi pada tarikh dan masa yang difikirkan sesuai.

10. Arahan Amalan ini hanya terpakai kepada kes kemalangan jalanraya yang mula didaftarkan pada dan selepas **1 Mac 2013**. Bagi kes kemalangan jalanraya yang didaftarkan sebelum tarikh tersebut, kes-kes tersebut adalah berjalan seperti biasa seperti mana yang telah dijadualkan.

11. Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai **1 Mac 2013**.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(AZIZAH BINTY MAHAMUD)

Timbalan Ketua Pendaftar

(Menjalankan tugas-tugas Ketua Pendaftar)

Mahkamah Persekutuan Malaysia

30 . 1 . 2013

s.k **YAA Ketua Hakim Negara**
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YBhg. Tan Sri Peguam Negara
Peguam Negara Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
SARAWAK

Pengarah-Pengarah Mahkamah Negeri
Seluruh Malaysia

Ketua Bahagian
Pentadbiran Kehakiman
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Presiden
Majlis Peguam Malaysia
13, 15 & 17, Lebuh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR

Pengerusi

Persatuan Undang-Undang Sabah
Tingkat 3, 120 Gaya Street
88000 Kota Kinabalu
SABAH

Pengerusi

Persatuan Pegumbela Sarawak
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching
Jalan Gersik, Petrajaya, 93050 Kuching
SARAWAK

Pustakawan

Istana Kehakiman

**PROSES MEDIASI BAGI KEMALANGAN JALAN RAYA YANG
MEMERLUKAN LAPORAN PAKAR**

MAHKAMAH

- Kes difailkan
- Tarikh Sebutan Pertama di hadapan Hakim/Majistret/Pendaftar [4 minggu dari tarikh kes difailkan]
- Tarikh Sebutan Kedua [2 minggu dari tarikh sebutan pertama]
- Penutupan Pliding – Ikatan Dokumen difailkan [4 minggu dari tarikh Notis Kehadiran dan Pembelaan difailkan]
- Mahkamah boleh tetapkan tarikh bicara dari bulan ke 6 hingga 11 dan arahkan Plaintiff untuk faillkan Laporan Pakar dan diserahkan kepada Defendan.

10 minggu

PUSAT MEDIASI

- Kes yang telah dihantar ke Pusat Mediasi boleh dimediasikan isu Liabiliti terlebih dahulu sementara menunggu Laporan Pakar.
- Rekod liabiliti jika persetujuan dicapai

4 minggu

Plaintif
12 minggu untuk
dapatkan
Laporan Pakar

- Defendan hendaklah memfailkan Laporan Pakar jika perlu.

Defendan
12 minggu untuk
dapatkan Laporan
Pakar (jika perlu)

PUSAT MEDIASI

- Kes dirujuk kepada Pusat Mediasi sekali lagi untuk dimediasikan atas isu kuantum
- Sekiranya berjaya, Penghakiman Persetujuan direkodkan, jika gagal, kes akan dihantar ke Mahkamah untuk bicara

4 minggu

MAHKAMAH

- Kes dibicarkan sehingga selesai

4 minggu

* SASARAN : KES-KES KEMALANGAN JALAN RAYA BAGI KATEGORI INI DISASARKAN UNTUK DISELESAIKAN DALAM TEMPOH MASA 40 HINGGA KE 50 MINGGU (10 bulan hingga 12 bulan) DARI TARIKH DIFAILKAN DI MAHKAMAH.